Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN

- Ekonomi global mula pulih pada suku ketiga tahun 2020.
- Eksport serantau meningkat semula.
- Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Pertumbuhan global mula pulih

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi global mula pulih pada suku ketiga tahun 2020. Berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 di kebanyakan ekonomi maju *(advanced economies)* dan pasaran baru muncul *(emerging market economies)*, penyambungan semula aktiviti pengeluaran dan perdagangan telah mencetuskan pemulihan keadaan pasaran pekerja dan seterusnya perbelanjaan sektor swasta.

Di AS, penggunaan swasta telah meningkat semula selepas keadaan pekerja pulih lebih pantas daripada jangkaan. Kegiatan ekonomi di kawasan euro bertambah baik didorong oleh peningkatan semula pengeluaran perkilangan dan eksport, manakala aktiviti perkhidmatan masih belum pulih. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun yang utama, kelemahan pasaran pekerja dan eksport yang berterusan telah menyebabkan kegiatan ekonomi meningkat dengan lebih lembab.

Peningkatan semula eksport serantau

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

RR China mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.9% pada suku ketiga (S2 2020: 3.2%). Aktiviti perindustrian dan sokongan kerajaan dalam bentuk pelaburan awam merupakan pemacu utama pertumbuhan. Tambahan pula, kesan pelaksanaan ketat bagi menghindari penularan wabak COVID-19 di dalam negeri telah mendorong kepada penyambungan semula aktiviti sektor swasta dengan permintaan pengguna telah meningkatkan pertumbuhan pada suku ketiga.

Pelonggaran langkah-langkah pembendungan telah menyebabkan peningkatan prestasi eksport serantau. RR China mencatatkan pertumbuhan eksport yang sangat kukuh. Hal ini menyokong pemulihan rantaian nilai pengeluaran serantau secara meluas dengan Singapura, Hong Kong SAR dan China Taipei turut mengalami peningkatan dalam eksport. Walaupun masih menguncup, eksport Indonesia, Korea, Thailand dan Filipina menunjukkan trend yang meningkat.

Volatiliti pasaran kewangan terus meningkat

Rajah 3: VIX CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan mencapai tahap tertinggi pada 16 Mac 2020 apabila kebanyakan ekonomi utama melaksanakan langkah-langkah pembendungan COVID-19. Walaupun volatiliti berkurang pada akhir suku kedua apabila langkah-langkah ini dilonggarkan dan beberapa bank pusat utama melaksanakan pelonggaran dasar monetari pada skala yang belum pernah dilakukan sebelum ini, volatiliti kekal tinggi pada suku ketiga (purata: 25.8; purata S2 2020: 34.5; purata S4 2019: 14.0) dan mula meningkat pada akhir suku itu. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula kes COVID-19 merentas ekonomi utama khususnya di AS dan Eropah.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD43 setong pada suku ketiga (purata S2 2020: USD33 setong). Peningkatan ini disokong oleh pemulihan permintaan minyak dunia secara beransur-ansur apabila langkah sekatan pergerakan dilonggarkan secara berperingkat. Kenaikan harga minyak turut disokong oleh pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ sejak 1 Mei 2020 dan penurunan pengeluaran minyak di AS.